

28/02/1998

16 artis jayakan konsert mega

BUAT pertama kalinya konsert mega khusus sempena pertandingan lumba basikal Le Tour de Langkawi akan diadakan esok sebagai bukti sokongan artis tempatan dalam penganjuran sukan bertaraf dunia di Malaysia.

Seramai 16 artis popular tempatan bakal membuat persembahan selama tujuh jam di Dataran Merdeka esok yang dijangka turut dihadiri Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Konsert khas itu bertujuan meraikan peserta pertandingan terbabit yang menamatkan pusingan akhir pada tarikh itu, selain meraikan penganjuran Sukan Komanwel Kuala Lumpur '98 pada September depan.

Persatuan Penyanyi, Pemuzik dan Pencipta Lagu Tanahair (Papita) diberi kepercayaan mengendalikan konsert itu yang dinamakan Mega Concert Le Tour de Langkawi Kuala Lumpur '98.

Konsert yang menggabungkan artis baru dan lama itu akan disertai kumpulan KRU, Rabbani, Ziana Zain, Jamal Abdillah, Datuk M Daud Kilau, Mariam Ahmad, A To Z, Sara Loo, Carol Ormila, Farra, Rem, Elite, Indigo, Aris Ariwatan dan Camelia.

Pelawak dan pelakon terkenal, Sabri Yunus akan bertindak sebagai pengacara.

Turut diselitkan ialah persembahan sketsa lawak jenaka, lagu tema Le Tour de Langkawi dan Sukom '98 serta pertunjukan daripada pasukan gimnastik luar negara.

RTM menerusi saluran TV1 juga akan membuat lintas langsung untuk rancangan Selamat Pagi Malaysia pada jam 9 pagi manakala lintas langsung pada petangnya ialah ketika ketibaan Perdana Menteri.

Presiden Papita, A Rahman Hassan, berkata peluang yang diberikan penganjur Le Tour de Langkawi '98 dan Sukom '98 kepada persatuan itu untuk mengadakan konsert berkenaan adalah satu pengiktirafan kepada Papita dan artis tempatan.

"Ini adalah acara bertaraf antarabangsa dan kita akan jayakan sebaik mungkin. Kesediaan artis popular mengambil bahagian menunjukkan golongan karyawan muzik juga sedia membantu demi nama negara.

"Selain konsert mega ini, Papita juga terbabit dalam persembahan kecil di beberapa tempat yang menjadi peringkat pertandingan Le Tour de Langkawi sejak 19 Februari lalu iaitu di Pulau Pinang, Kuantan, Mersing, Kota Bharu, Ipoh dan Genting."

"Kita amat berharap konsert mega nanti turut menjadi tarikan kepada pelancong asing kerana ia menjanjikan kelainan dan diselitkan pelbagai konsep persembahan," katanya dalam sidang media di Kuala Lumpur, Selasa lalu.

Turut hadir ialah wakil penganjur Le Tour De Langkawi, Wan Lotfi Wan Ibrahim dan beberapa artis yang bakal membuat persembahan dalam konsert itu.

Sementara itu, Pengerusi Jawatankuasa Mega Concert Le Tour de Langkawi Kuala Lumpur '98, Norman Abdul Halim, berkata konsert itu dibahagikan kepada empat segmen iaitu setiap penyanyi akan mendendangkan tiga lagu popular masing-masing.

Katanya, segmen pertama bermula pada jam 9.30 pagi, segmen kedua jam 2 petang, segmen ketiga jam 4 petang dan segmen keempat jam 6 petang.

"Kami berharap warga kota dapat datang beramai-ramai dan memberi sokongan pada konsert yang diadakan secara percuma. Kami yakin persembahan ini nanti dapat memberi kepuasan," katanya.

Konsert itu mendapat tajaan daripada Telekom dan First Cartel. Ia akan berakhir pada jam 7 malam dengan pengisian pelbagai acara lain termasuk fun ride, lumba basikal dan pameran.

(END)